

# Raja Perlis melawat MSAM

UM/23 4.13/23/4/P

KANGAR 22 April - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini berkenan melawat pameran pelaburan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang sedang berlangsung di Dewan 2020 di sini.

Keberangkatan baginda diiringi oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.  
Baginda sempat meluangkan

masa hampir dua jam melawat dan melihat pameran pendidikan pelaburan yang dibuka kepada orang ramai sejak Sabtu lalu.

Semasa lawatan berkenaan, rombongan diraja itu diberi pererangan mengenai PNB serta taklimat perancangan kewangan yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Baginda turut berkesempatan melawat 55 buah gerai pameran yang disertai oleh syarikat-syarikat yang dikuasai oleh

PNB, institusi kewangan dan perbankan serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Hadir sama mengiringi rombongan diraja itu Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Baginda serta Tuanku Syed Faizuddin dan Tuanku Shahreen Akashah juga sempat singgah ke gerai *Utusan Malaysia* yang menyertai pameran tersebut.